


AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 12

TARIKH : 26 FEBRUARI 2023

HARI : AHAD

SENTIMEN : POSITIF



Mahu lahirkan generasi berilmu tanpa hutang

Pendidikan penting untuk membina masa depan generasi berilmu. Namun, untuk mendapatkan taraf pendidikan yang terbaik, dana pendidikan amat penting bagi sesebuah keluarga.

Mungkin ada yang berpendapat dana pendidikan tidak penting kerana adanya bantuan kerajaan seperti pinjaman PTPTN ini. Namun, tiada jaminan bantuan ini masih diberikan pada masa hadapan.

Justeru, fungsi kami yang menguruskan pembiayaan kewangan dan pinjaman pelajaran untuk pengajian tinggi, turut memainkan peranan membantu masyarakat Malaysia merancang kewangan bagi tujuan

pendidikan, seawal usia anak-anak bagi melahirkan graduan tanpa hutang melalui skim simpanan.

Kami adalah pemangkin pendidikan masa depan anak-anak yang bakal menceburi pelbagai bidang dan sektor termasuk yang mahu menjadi usahawan pada masa depan.

Melalui instrumen simpanan yang diwujudkan ini secara tidak langsung dapat membantu dan mengatasi masalah keciciran dalam kalangan pelajar yang ingin melanjutkan pengajian.

Usaha kami adalah untuk memberi kesedaran kepada masyarakat mengenai kelebihan serta manfaat penabungan pendidikan untuk anak-

anak. Selain kemudahan pinjaman yang ditawarkan, simpanan adalah sangat penting kepada kita semua.

Melalui Bisnes Sinar Harian Awards (BISA), ia menjadi batu loncatan kepada kami untuk terus memberi pendedahan dan kepercayaan kepada masyarakat terhadap agensi ini.

Kami yakin objektif yang ingin PTPTN hebahkan kepada masyarakat akan dapat disampaikan dengan lebih tepat lagi selepas ini.

Kami juga yakin, agensi yang kini berdiri teguh menyokong pendidikan anak-anak Malaysia yang telah membina aspirasi sejak 25 tahun lalu, mampu mendorong masa depan yang cerah untuk generasi akan datang.